

# Jangan salah guna kebebasan - Dr. Mahathir

UM 13 SEP 1982

KUALA LUMPUR, 12 Sept - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa beliau memang menggalakkan rakyat dan akhbar mengkritik kerajaan tetapi "janganlah kebebasan itu disalahgunakan".

Katanya, "kami (kerajaan) bersikap liberal sejak mula-mula lagi dan telah memberitahu pihak akhbar bahawa mereka boleh membuat kritikan terhadap kerajaan".

Menurut Perdana Menteri, akhbar-akhbar digalakkan membuat laporan-laporan yang berbentuk siasatan, tetapi "biarlah laporan-laporan itu dibuat dengan

rasa tanggungjawab".

Datuk Sri Dr. Mahathir menggesa para wartawan supaya sentiasa memikirkan kepentingan negara dan apa yang baik untuk negara.

Mereka tidak harus mementingkan apa yang baik untuk kelarisan jualan akhbar atau untuk kepentingan diri sendiri sebagai wartawan", tegasnya lagi.

Bercakap kepada para pemberita semasa persidangan Perhimpunan Agung UMNO ditangguhkan, beliau berkata semua menteri telah diajak supaya mengamal berat dan meneliti segala kritikan yang dibuat dalam akhbar

Ini adalah penting, tambah beliau, kerana semua menteri tidak mungkin dapat mengetahui segala kelemahan atau kejadian di kementerian atau agensi jagaannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian mengulangi kritiknya terhadap akhbar-akhbar yang menyiarkan berita-berita tentang skandal seks yang melibatkan orang-orang tertentu.

Katanya, orang-orang yang disebut terlibat dalam skandal tidak berpeluang menjawab dakwaan atau tuduhan akhbar-akhbar seumpama itu dan ini adalah tidak adil.

"Cerita-cerita itu kadangkala hanya separuh benar atau timbul dari salah tafsiran, tetapi perkara yang separuh benar itulah yang sukar dinafikan", ujarnya.